

Ruj. Fail : MBSJ.KP.100-6/1/1()

**MINIT MESYUARAT PENUH
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA
BIL. 8 TAHUN 2022**

Tarikh : 26 Ogos 2022 (Jumaat)

Masa : 7.30 pagi – 9.00 pagi

Tempat : Hall 1, Livingston Hotel,
Sandakan Sabah

Kehadiran : Seperti di Lampiran A

1.0 BACAAN DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Tuan Hj. Mohd Fadzil bin Mahat, Pengarah Perbendaharaan Majlis Bandaraya Subang Jaya.

2.0 TAYANGAN AKTIVITI BULAN JULAI 2022

Tayangan video sorotan program dan aktiviti sepanjang bulan Julai 2022.

3.0 PERUTUSAN DATUK BANDAR

Datuk Bandar memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini merupakan Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya kali yang ke lapan. Seterusnya pemakluman beberapa perkara seperti yang berikut :

- i) Datuk Bandar berkongsi berkenaan World Cities Summit (WSC) 2022 di Singapura yang telah berlangsung selama 4 hari bermula 31 Julai hingga 3 Ogos 2022. Bandaraya Subang Jaya adalah di antara beberapa buah bandar di Malaysia yang telah dijemput khas oleh Kerajaan Singapura untuk menghadiri WCS.

Persidangan ini merupakan acara dwitahunan (setiap dua tahun) sebagai satu platform eksklusif kepada pemimpin-pemimpin kerajaan dan pakar-pakar industri untuk menangani cabaran bandar boleh didiami dan bandar yang mampan, berkongsi penyelesaian bandar bersepadu dan menjalinkan perkongsian baharu. WSC ini telah dihadiri oleh lebih 250 bandar global dan disokong oleh pemimpin daripada kerajaan, ahli perniagaan, organisasi antarabangsa dan ahli akademik. Persidangan WSC ini diadakan secara bersemuka pada tahun ini selepas Sidang Kemuncak yang sebahagian besarnya diadakan secara maya pada tahun 2021. WSC 2022 ini diadakan anjuran bersama Pihak

Berkuasa Pembangunan Semula Bandar Singapura bersama rakan kongsi utama Forum Infrastruktur Asia.

Tema WCS bagi tahun ini (2022) adalah '*Liveable and Sustainable Cities: Emerging Stronger* iaitu Bandar Boleh Didiami dan Lestari : Muncul Lebih Kukuh. Tema forum ini diadakan bagi menyampaikan keperluan untuk bandar kekal lestari dan lebih berdaya tahan dalam tempoh yang berpanjangan dan lebih berdaya tahan, semasa gangguan bencana atau musibah yang tidak dapat diramalkan. Ini termasuklah wabak dan perubahan iklim. Forum ini juga adalah sebagai titik pertemuan kepada Datuk Bandar global, pemimpin perniagaan dan pakar dalam bidang masing-masing untuk bertukar dan mencipta bersama penyelesaian masalah-masalah bandar untuk bandar yang boleh didiami dan mampan serta boleh kekal lebih kukuh.

Acara 4 hari ini mengandungi persidangan utama, yang merangkumi pleno dan trek, dan acara utama lain iaitu Syarahan Hadiah Dunia Lee Kuan Yew, Anugerah Majlis, Forum Datuk Bandar WCS, Simposium Pemimpin Muda WCS dan ekspo. WCS 2022 juga menganjurkan Bengkel Bandar Pintar yang julung kali diadakan, berikutan kejayaan edisi maya penganjur WSC pada tahun 2021. Melalui pleno dan landasan persidangan utama, perwakilan dapat melibatkan diri dengan tema tentang bagaimana bandar boleh muncul lebih kukuh daripada gangguan kontemporari merentasi lima landasan iaitu:

- Pembiayaan mampan (*sustainable financing*),
- Bandar pintar (*smart cities*),
- Pembangunan dan perancangan (*development and planning*),
- Daya tahan bandar (*urban resilience*), dan
- Bandar masa depan yang boleh didiami (*liveable future cities*).

Datuk Bandar telah menyertai WSC Mayors Forum dan Smart Cities Workshop 2022 dan komponen-komponen program yang berlangsung adalah seperti berikut:

- a) WCS Plenary bertajuk,
 - *Liveable and Sustainable Cities : Emerging Stronger*
 - *Liveable and Sustainable Cities : Combating the Climate Crisis*

- b) WCS Tracks bertajuk,
 - *Sustainable Financing of Cities : A New Normal?*
 - *How Can Partnerships Transform the Development of Cities?*
 - *Smart City Priorities : What's Next?*
 - *Cities Facing Extremes : How Do We Adapt?*
 - *What Does the Future Hold for Cities?*

Semasa menghadiri sesi 1 WCS, perbincangan adalah mengenai bagaimana peranan Datuk Bandar di dalam memanfaatkan penggunaan digitalisasi untuk menangani cabaran masa hadapan termasuk agenda 'decarbonization' terutamanya pasca covid 19.

Datuk Bandar telah berkongsi usaha MBSJ di dalam membantu menangani isu ini antaranya:

- a) Memperkenalkan bentuk perniagaan baru, termasuk menyediakan garis panduan baru bagi mengadaptasi situasi norma baru di antaranya perkhidmatan perniagaan 'post natal', perniagaan dari rumah serta mengadakan kolaborasi bersama penyedia teknologi dan perniagaan runcit bagi membantu peniaga SME mengembangkan potensi pengedaran produk mereka.
- b) MBSJ juga sedang membangunkan sebuah pasar berkonsepkan 'grab market' untuk mengetengahkan potensi pengedaran pelbagai produk kepada penduduk setempat berasaskan pusat pengedaran setempat dan menggunakan teknologi IOT (Internet Of Thing) untuk pesanan dan tempahan produk.
- c) Selain itu, MBSJ juga sedang membangunkan sistem GIMS bagi mengurangkan carbon footprint dan sebahagian dari agenda '*low carbon city*'.

Penyertaan MBSJ di dalam beberapa program di peringkat Negeri, Kebangsaan dan Antarabangsa adalah sebagai salah satu usaha untuk berkongsi nilai-nilai murni MBSJ sebagai sebuah Bandaraya "Smart Vibrant".

- ii) Datuk Bandar juga turut memaklumkan berkenaan MBSJ telah menerima Anugerah Bandar Berdaya Huni Tahap Tertinggi 2021. Anugerah ini telah disampaikan oleh YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada 18 Ogos 2022 di Majlis Pelancaran Indeks Daya Huni Majlis (iDAM) dengan Tema Bersama Kita Membina Negara Berdaya Huni.

Indeks Daya Huni Malaysia (iDAM) yang mengukur tahap daya huni di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk meningkatkan tahap kesejahteraan rakyat dilancarkan hari ini dengan fasa pertama pelaksanaannya melibatkan 101 PBT di Semenanjung Malaysia yang telah menggunakan Sistem MurniNet.

Indeks Daya Huni Malaysia ini dimulakan dengan fasa 1 yang melibatkan PBT di seluruh Semenanjung Malaysia yang menggunakan Sistem MurniNet untuk mengukur 23 Indikator MurniNet dan juga 6 kriteria utama (iDAM) iaitu ekonomi makmur dan berdaya saing, persekitaran berkualiti dan mampan, komuniti sejahtera dan selamat, guna tanah dan penggunaan sumber berkesan, infrastruktur asas berkualiti serta tadbir urus bandar yang efisien.

- iii) Beliau turut memaklumkan bahawa pada 25 Julai 2022, MBSJ telah dikunjungi panel penilai daripada Kementerian Perumahan

Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT).

Alhamdulillah, tahniah dan syabas kepada semua warga kerja kerana MBSJ telah berjaya mengekalkan status 5 bintang dengan peningkatan markah daripada 96.04% kepada 97.09%. Penilaian markah adalah seperti berikut :

| Bil | Kriteria | Markah | Prestasi Pencapaian |
|------------|--|---------------|----------------------------|
| 1. | Pengurusan | 94.20% | Cemerlang |
| 2. | Perkhidmatan Teras | 99.53% | Cemerlang |
| 3. | Pengurusan Pelanggan | 97.60% | Cemerlang |
| 4. | Penyertaan Komuniti dan Pandangan Penduduk | 91.67% | Cemerlang |

- iv) Pada 11 hingga 13 Ogos 2022, MBSJ telah mengadakan Mesyuarat Pengurusan Strategik dan Pelan Operasi Bajet Tahunan (POBT) untuk menyemak prestasi pencapaian separuh penggal tahun 2022 dan menyasarkan perancangan bajet untuk tahun 2023.

Bagi Bajet MBSJ 2023, MBSJ telah merangka belanjawan yang selari dengan Rancangan Selangor Pertama (RS-1) dan Pelan Strategik Subang Jaya 2020-2025. MBSJ mendukung 4 teras utama Rancangan Selangor Pertama (RS-1) iaitu ; Ekonomi, Sosial, Kelestarian dan Tadbir Urus dan 6 teras Pelan Strategik Subang Jaya 2020-2025.

Bagi rangka draf bajet 2023, MBSJ menyasarkan unjuran pendapatan adalah sebanyak RM 305.017 juta berbanding perbelanjaan sebanyak RM 309.108 iaitu defisit RM 4.091 juta.

Oleh itu bagi menampung perbelanjaan, pihak Majlis perlu meningkatkan hasil tahun 2023 sebanyak RM 25.87 juta iaitu 9.27% peningkatan berbanding tahun 2022. Sebahagian besarnya adalah daripada hasil kutipan cukai sebanyak RM 18 juta (69.6%). Unjuran perbelanjaan dijangkakan meningkat sebanyak RM 11.45 juta iaitu 3.8% lebih tinggi berbanding tahun lepas. Peningkatan perbelanjaan adalah bagi Perbelanjaan Mengurus iaitu kenaikan sebanyak RM 13.84 juta (5.03%) manakala Perbelanjaan Pembangunan menurun sebanyak RM 2.39 juta (-0.7%).

- v) Datuk Bandar memaklumkan pada 22 Ogos 2022, MBSJ telah dikunjungi oleh delegasi daripada Bandar HIOKI, Jepun. Lawatan ini diketuai oleh Encik Yoshitaka Nagayama, Datuk Bandar Hioki bersama 18 orang delegasi.

Antara aktiviti yang telah dilakukan adalah seperti berikut :

- a) Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman Subang Jaya-Hioki,
- b) Penanaman pokok kenanga di Taman Hioki,
- c) Lawatan ke Kompleks 3C (Children Creativity Centre),

- d) Lawatan ke Padang Woodball, USJ 11, dan Jamuan Makan Malam dan Persembahan Kebudayaan.

- vi) Datuk Bandar berkongsi berkenaan Program Selamat Pagi Subang Jaya; Hari Tanpa Kenderaan yang telah berlangsung pada hari Ahad, 7 Ogos 2022 di hadapan AEON Big dan Subang Parade. Laluan yang terlibat adalah di sepanjang Persiaran Kemajuan dan Jalan SS16/1, Subang Jaya meliputi jarak 2 kilometer. Sebelum ini program ini dikenali sebagai Jom Sihat dan Lestari Subang Jaya tetapi telah dihentikan selama 2 tahun iaitu pada tahun 2020 hingga 2021 akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Program Selamat Pagi Subang Jaya; Hari Tanpa Kenderaan yang telah diadakan dari jam 7 pagi hingga 11 pagi telah berjaya menarik lebih kurang 1,500 penyertaan daripada penduduk di sekitar Subang Jaya, Bandar Sunway dan Puchong, walaupun persediaan program ini di rancang dalam masa yang singkat iaitu 2 minggu sahaja. Ini menunjukkan komitmen dan kebertanggungjawaban yang tinggi di kalangan warga kerja, Ahli-Ahli Majlis dan penduduk Subang Jaya untuk menyahut cabaran menjadikan bandaraya Subang Jaya sebuah kota niaga kediaman idaman yang menuju ke arah bandar rendah karbon dengan warga penduduknya hidup sihat dan sejahtera.

Pihak Majlis juga sedang merancang untuk mengadakan program ini di beberapa kawasan lain sama ada di Puchong atau Seri Kembangan. Kesesuaian tapak dari segi keselamatan jalan raya dan penyediaan ruang yang dapat menampung pelbagai aktiviti merupakan pra syarat yang perlu diteliti bagi mengadakan Program Selamat Pagi Subang Jaya; Hari Tanpa Kenderaan ini.

Program ini merupakan pelaksanaan Tindakan mengikut Pelan Tindakan Bandar Hijau Subang Jaya 2019 - 2024 iaitu tindakan ke 4 : Kesedaran Gaya Hidup Rendah Karbon. Program ini juga selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals*) iaitu *SDG 3: Good Health and Well Being*, *SDG 11: Sustainable Cities and Communities* dan *SDG 13: Climate Action*.

Antara aktiviti-aktiviti menarik yang telah diadakan seperti *fun walk*, *fun run*, *bicycle ride*, pemeriksaan kesihatan, *street soccer*, *busking*, fiesta sarapan pagi, kitar semula, senamrobik dan lain – lain lagi. Pihak Majlis akan menambahbaik dari segi pengurusan dan pemilihan aktiviti untuk menarik lebih ramai penyertaan daripada semua warga penduduk Bandaraya Subang Jaya pada program akan datang.

Antara kepentingan program ini merupakan salah satu usaha mendidik masyarakat untuk mengamalkan gaya hidup yang sihat. Ia juga memberi impak positif terhadap alam sekitar dengan

pengurangan karbon yang terhasil daripada kenderaan, aktiviti perniagaan dan perindustrian amnya dan untuk menyahut saranan Kerajaan Negeri dan Persekutuan bagi pengurangan karbon (CO₂) kepada 45% pada tahun 2030. Program ini juga merupakan aktiviti sosial yang dapat memupuk semangat perpaduan antara berbilang kaum tanpa mengira agama dan bangsa dan ini selaras dengan tema hari Kebangsaan iaitu 'Keluarga Malaysia Teguh Bersama' dan 'Kita Selangor Teguh Bersama'.

Program Selamat Pagi Subang Jaya; Hari Tanpa Kenderaan akan diadakan pada setiap bulan iaitu pada hari Ahad minggu pertama. Program pada bulan September akan diadakan pada 4 September 2022 dan warga kerja serta penduduk di kawasan pentadbiran Majlis dijemput hadir bersama-sama bagi memeriahkan program tersebut.

- vii) Subang Jaya *Coffee Talk* diadakan pada setiap hari Selasa jam 12.30 tengah hari berkonsepkan bicara santai dengan menampilkan Ahli Majlis, pegawai MBSJ ataupun tetamu jemputan untuk berkongsi maklumat dan infomasi berguna dengan semua masyarakat dan '*stakeholders*' di Bandaraya Subang Jaya.

Program ini diadakan secara langsung dan disiarkan secara dalam talian menerusi laman facebook rasmi MBSJ. Penonton akan dikongsi dengan pelbagai topik yang mengandungi infomasi, inisiatif, amalan terbaik berkaitan dengan gaya hidup,

keselamatan, aspek perbandaran, ekonomi dan sosial serta alam sekitar bersesuaian dengan panel atau tokoh yang dijemput.

- viii) Datuk Bandar memaklumkan bahawa pada tanggal 31 Ogos 2022, usia kemerdekaan negara akan mencapai 65 tahun. Rakyat mungkin telah bebas daripada penjajahan fizikal namun jika dilihat pada hari ini masyarakat masih dijajah dari segi minda terutamanya dalam kalangan Gen Y dan Gen X. Senario seperti ini sukar dikawal terutamanya pada zaman teknologi dan media sosial yang mempunyai pengaruh kuat dalam masyarakat. Penjajahan minda ini merupakan penjajahan format baharu terutamanya pemikiran dan budaya serta impaknya lebih bahaya daripada penjajahan fizikal.

Penjajahan minda merujuk kepada usaha untuk menguasai pemikiran masyarakat melalui penyaluran maklumat palsu dengan tujuan menimbulkan kepincangan dan konflik dalam masyarakat. Jika kita tidak mempertahankan kemerdekaan yang diperjuangkan generasi wira terdahulu, maka sejarah mungkin boleh berulang dan kita akan dijajah semula, bukan dari segi fizikal tetapi dari segi minda.

Sebelum nasi menjadi bubur, masyarakat perlu berhati-hati apabila menerima maklumat terutamanya yang diperolehi melalui media sosial. Kesahihan maklumat perlu disemak sebelum mempercayai kebenarannya atau berkongsi dengan pihak lain.

Semoga rakyat Malaysia akan terus bersatu tidak kira bangsa untuk kemajuan negara pada masa hadapan yang cemerlang dan gemilang. Hargailah hasil daripada perjuangan orang-orang sebelum kita demi masa depan bangsa kita yang akan datang.

Sambutlah Hari Kemerdekaan tahun ini lebih bersemangat dengan jiwa yang penuh semangat patriotism. Selamat menyambut Hari Kebangsaan 2022 kepada semua.

- ix) Beliau turut memaklumkan data berkaitan kes demam denggi di kawasan pentadbiraan MBSJ. Sehingga Minggu Epid 33 iaitu antara 14 sehingga 20 Ogos 2022 terdapat sebanyak 2,727 kes positif demam denggi dilaporkan dengan 2 lokaliti hotspot denggi di kawasan pentadbiran MBSJ iaitu di kuarters guru USJ 6 dan Pangsapuri Sri Indah Taman Lestari Perdana.

Hasil pemeriksaan di lokaliti kes demam denggi mendapati masih banyak tempat pembiakan dikesan terutama di lorong-lorong belakang, kebun-kebun penduduk dan bekas-bekas yang dibuang merata-rata oleh penduduk.

Walau bagaimanapun, masyarakat diminta memastikan kawasan dan persekitaran premis masing-masing bebas daripada tempat pembiakan nyamuk Aedes dengan meluangkan masa 10 minit

seminggu sekali untuk mencari dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan di dalam dan sekitar premis masing-masing.

- x) Datuk Bandar mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir dan berharap mesyuarat pada hari ini berjalan lancar.

4.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 7/2022

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 7/2022 bertarikh 27 Julai 2022 (Rabu) disahkan tanpa sebarang pindaan.

5.0 MAKLUM BALAS MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 7/2022

Maklum balas Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 7/2022 bertarikh 27 Julai 2022 (Rabu) disahkan dengan keputusan berikut :

| Bil | Para & M/Surat | Ahli Majlis | Perkara | Cadangan |
|------------|---------------------------|--------------------|---|--|
| 1. | Para 5.1 & m/s 4 | Encik Yap Kok Weng | Laporan Pejabat Kesihatan Daerah Petaling bagi bulan Jun 2022 | Beliau mencadangkan supaya peruntukan RM 4 ribu disalurkan terus kepada setiap MPP bagi tujuan pembelian berkaitan denggi. |

| Bil | Para & M/Surat | Ahli Majlis | Perkara | Cadangan |
|-----|----------------|-------------|---------|---|
| | | | | <p>Keputusan Mesyuarat :</p> <p>Mesyuarat memutuskan setiap MPP diberi peruntukan sebanyak RM4,000 dan MPP perlu mengemukakan bukti pembelian bagi tuntutan bayaran kepada Jabatan Kesihatan.</p> <p>Tindakan :</p> <p>Jabatan Kesihatan</p> |

6.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA

6.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 14/2022 bertarikh 20 Julai 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**6.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)
Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang
Jaya bil. 15/2022 bertarikh 9 Ogos 2022**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**6.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Majlis
Bandaraya Subang Jaya bil. 8/2022 bertarikh 9 Ogos 2022**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**6.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Majlis
Bandaraya Subang Jaya bil. 7/2022 bertarikh
10 Ogos 2022**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

| Bil | Para & M/Surat | Ahli Majlis | Perkara | Cadangan |
|------------|---------------------------|----------------------------|---|--|
| 1. | Para 6.1.1 & m/s 5 | Tuan Ar.Kamarul Hisham bin | Laporan Aktiviti Dari Bahagian Khidmat Komuniti | Beliau mencadangkan supaya dimasukkan kategori warga emas di |

| Bil | Para & M/Surat | Ahli Majlis | Perkara | Cadangan |
|-----|-----------------------|--------------------------|---|--|
| | | Hj. Yeop Hashim | Program Pembangunan Masyarakat Bulan Julai 2022 | <p>dalam laporan.</p> <p>Keputusan Mesyuarat :</p> <p>Mesyuarat bersetuju dengan cadangan tersebut dan Jabatan diminta membuat penambahbaikan terhadap laporan akan datang.</p> <p>Tindakan :</p> <p>Jabatan Pembangunan Masyarakat</p> |
| 2. | Para 9.3 (iv) & m/s 5 | Encik Thomas Low Yew Sin | Hal-hal Lain | <p>Beliau memohon supaya dilaksanakan pindaan terhadap minit bagi perkara berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ 9.3 (ii) menambah perkataan bangunan selepas ayat di pintu tepi iaitu 'di pintu tepi bangunan Pasar Awam Batu 14'. |

| Bil | Para & M/Surat | Ahli Majlis | Perkara | Cadangan |
|------------|---------------------------|--------------------|----------------|--|
| | | | | <ul style="list-style-type: none">▪ 9.3 (iv) menambah ayat 'diberikan notis' selepas perkataan mohon iaitu 'Mohon diberikan notis cantasan pokok terbiar'. <p>Keputusan Mesyuarat :</p> <p>Mesyuarat bersetuju dengan permohonan tersebut dan urus setia Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan diminta membuat pindaan minit mesyuarat.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat</p> |

6.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 7/2022 bertarikh 15 Ogos 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

| Bil | Para & M/Surat | Ahli Majlis | Perkara | Cadangan |
|-----|------------------|------------------------------------|--|---|
| 1. | Para 2.1 & m/s 2 | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh | Taklimat Laporan Prestasi Bulanan Daripada KDEB Waste Management Sdn. Bhd. | Beliau memohon penjelasan berkenaan status lori KDEB yang telah uzur dan rosak. Keputusan Mesyuarat : Mesyuarat memaklumkan bahawa MMKN telah bersetuju perkhidmatan KDEB dilanjutkan. Pihak KDEB telah bersetuju untuk menukarkan lori yang uzur dan rosak dari semasa ke semasa mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Isu berkenaan lori sampah dan prestasi Syarikat KDEB akan dibincangkan dalam |

| Bil | Para & M/Surat | Ahli Majlis | Perkara | Cadangan |
|-----|------------------|---|---|---|
| | | | | <p>mesyuarat Jawatankuasa akan datang.</p> <p style="text-align: center;">Tindakan : Jabatan Pengurusan Alam Sekitar</p> |
| 2. | Para 6.1 & m/s 8 | Tuan Ar.Kamarul Hisham bin Hj.Yeop Hashim | Kertas Cadangan Projek Kitar Semula Sisa Kelapa di Majlis Bandaraya Subang Jaya | <p>Beliau memohon penjelasan berkenaan kaedah kutipan / penghantaran sisa kelapa samada pilihan 1 (Peniaga hantar sendiri sisa kelapa) atau pilihan 2 (MBSJ kutip daripada setiap peniaga)</p> <p>Keputusan Mesyuarat :</p> <p>Mesyuarat memaklumkan bahawa pemilihan kaedah kutipan / penghantaran sisa kelapa adalah di tentukan oleh peniaga sendiri.</p> <p style="text-align: right;">Makluman</p> |

6.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan dan Kemudahan Awam Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 9/2022 bertarikh 15 Ogos 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

| Bil | Para & M/Surat | Ahli Majlis | Perkara | Cadangan |
|-----|------------------|--------------------|--|--|
| 1. | Para 4.1 & m/s 5 | Encik Yap Kok Weng | Tatacara Proses Permohonan Kelulusan Struktur Sistem Pemancar Komunikasi Multi Fungsi Untuk Majlis Bandaraya Subang Jaya | Beliau mencadangkan supaya permohonan struktur sistem pemancar komunikasi multi fungsi dibincangkan dan diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Bandar. Keputusan Mesyuarat : Mesyuarat bersetuju dengan cadangan tersebut dan permohonan struktur sistem pemancar komunikasi multi fungsi akan dibincangkan dan diputuskan dalam |

| Bil | Para & M/Surat | Ahli Majlis | Perkara | Cadangan |
|-----|---------------------|------------------------------|------------------|--|
| | | | | <p>Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Bandar.</p> <p style="text-align: center;">Tindakan : Jabatan Perancangan Bandar</p> |
| 2. | Para 6.4.4 & m/s 11 | Encik Wong Yii Seang | Hal-hal Lain | <p>Beliau mencadangkan supaya Adun kawasan turut dijemput menghadiri perbincangan bersama pihak JKR berkenaan penyelesaian isu jalan rosak dan sesak di bawah seliaan pihak JKR.</p> <p>Keputusan Mesyuarat :</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum dan meminta Adun kawasan dijemput bagi membincangkan permasalahan jalan tersebut.</p> <p style="text-align: center;">Tindakan : Jabatan Kejuruteraan</p> |
| 3. | Para 6.5.1 & m/s 13 | Encik Mohd Tarmizi bin Lazim | Gerai Pandu Lalu | <p>Beliau memaklumkan bahawa masih terdapat peniaga tanpa izin</p> |

| Bil | Para & M/Surat | Ahli Majlis | Perkara | Cadangan |
|-----|----------------|-------------|---------|---|
| | | | | <p>menjalankan perniagaan di kawasan berhampiran dengan gerai pandu lalu Putra Height.</p> <p>Keputusan Mesyuarat :</p> <p>Mesyuarat memutuskan supaya tindakan penguatkuasaan dan sitaan perlu dilaksanakan setiap hari sehingga masalah ini dapat diatasi.</p> <p>Tindakan :</p> <p>Jabatan Penguatkuasaan</p> |

6.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 8/2022 bertarikh 16 Ogos 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 5/2022 bertarikh 17 Ogos 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

7.0 UCAPAN PENANGGUHAN

Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh Wakil PKR, Encik Jestin Raj Savarimuthu.

8.0 PENUTUP

Datuk Bandar mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 9.00 pagi.

Tarikh Disediakan : 30 Ogos 2022

" SELANGOR MAJU BERSAMA "

" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "

Disediakan oleh;

.....
(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), A.M.N., A.M.S.

Timbalan Datuk Bandar

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

.....
(DATO' JOHARY BIN ANUAR), D.P.M.S.

Datuk Bandar

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

LAMPIRAN

HADIR

- | | | |
|----|---|---------------------------|
| 1. | YBhg. Dato' Johary bin Anuar, D.P.M.S. Datuk Bandar | - Pengerusi |
| 2. | YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S. Timbalan Datuk Bandar | - Setiausaha Mesyuarat |
| 3. | Ybrs. Tuan Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, K.M.N., P.J.K. Pengarah, Jabatan Kejuruteraan | -Timbalan Setiausaha |

HADIR (AHLI MAJLIS)

- | | | |
|----|--------------------|---------------|
| 1. | Encik Yap Kok Weng | - Ahli Majlis |
|----|--------------------|---------------|

- | | | | |
|-----|---|---|-------------|
| 2. | Encik M. Anbarasan a/l Murugesu | - | " |
| 3. | Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim | - | " |
| 4. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh | - | " |
| 5. | Encik Chia Yew Ken | - | " |
| 7. | Encik Thomas Low Yew Sin | - | " |
| 8. | Encik Thamilarusu a/l Sandayan | - | " |
| 9. | Encik Wong Yii Seang | - | " |
| 10. | Puan Lee Jen Uyin | - | " |
| 11. | Puan Ng Seow Chen | - | Ahli Majlis |
| 12. | Encik Thong Kim Fatt | - | " |
| 13. | Encik Mohd Tarmizi bin Lazim | - | " |
| 14. | Encik Muhammad Khairil bin Khalid | - | " |
| 15. | Encik Mohamad Syafiq bin Mohamad Norizan | - | " |
| 16. | Encik Kenneth Sam a/l Saminathan | - | " |
| 17. | Cik Syafiqqa binti Zakaria | - | " |
| 18. | Encik Jestin Raj Savarimuthu | - | " |
| 19. | Encik Muhammad Fauzan bin Rosli | - | " |

20. Encik Mohamad Kamil bin Harun - "

TURUT HADIR (PEGAWAI MBSJ)

1. Tuan Haji Mohd Fadzil bin Mahat, A.M.N., A.M.S.
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
2. Tuan Dr. Roslan bin Mohamed Hussin, A.M.S.
Pengarah, Jabatan Kesihatan
3. Tuan TPr Ismail bin Muhamad, A.I.S
Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar
4. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
5. Puan Hajah Anita binti Abd Jalil, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
6. Puan Sr. Aida binti Omar, A.M.S., MRISM
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
7. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Bangunan
8. Encik Muhammad Azli bin Miswan
Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik
9. Puan Nik Zalina binti Megat Muda
Pengarah, Jabatan Pelesenan
10. Puan Hajah Sharifah Rohaida binti Abd Rahman, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Hasil
11. Puan Ts Azura binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar

12. Encik Samzol bin Saat
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
13. Puan Hajah Noraziah binti Ali, K.M.N, P.J.K.
Pengarah, Unit Audit Dalam
14. Tuan Sr Nazarudin bin Mashtuki
Pengarah, Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan
15. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh
Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
16. Encik Farid bin Ibrahim
Pengarah, Jabatan OSC
17. Tuan Sr. Mohd Marwan bin Khalilludin
Pengarah, Jabatan COB
18. Puan Azlina binti Mat Salim
Penolong Pengarah (Kanan), Jabatan Landskap
19. Puan Emilia binti Nasir
Penolong Pengarah, Unit Integriti

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

- | | | |
|----|--------------------------------|---------------|
| 1. | Encik Mehanatan a/l Embamurthi | - Ahli Majlis |
| 2. | Encik Teh Eng Teck | - " |
| 3. | Encik Mohd Fitri bin Jamaludin | - " |
| 4. | Puan Aniza binti Jamaludin | - " |
| 5. | Cik Syafiqa binti Zakaria | - " |

6. Encik Jaafar bin Mat Akid - "

URUSETIA

1. Encik Ismail bin Salim, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Mazura binti Mohamad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Juliana binti Jaafar
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan